

AMP bentuk Pusat Penasihat Hutang

Pusat sehenti bakal tangani pelbagai masalah hutang yang dihadapi masyarakat Melayu/Islam

Oleh ROSEBI MOHD SAH
rosebi@sph.com.sg

SEBUAH pusat bagi memberi orang Melayu/Islam nasihat mengenai masalah hutang akan dibentuk bulan depan.

Dinamakan Pusat Penasihat Hutang, atau Debt Advisory Centre (DAC), ia dibentuk oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP) bagi membantu orang Melayu-Islam menangani pelbagai masalah hutang.

Pusat itu diketuai Pengarah bagi Strategi Pasaran dan Ekonomi, syarikat Financial Alliance, Encik Sani Hamid.

Menurut AMP, terdapat tiga tujuan utama bagi pembentukan DAC itu.

Pertama – menyediakan sebuah pusat di bawah satu bumbung bagi individu yang menghadapi pelbagai masalah hutang mendapatkan nasihat.

Kedua – menyediakan pendidikan yang perlu mengenai pengurusan hutang dan hal-hal lain berkaitan hutang.

Ketiga – membuat kajian terperinci sejauh mana masalah hutang menghambat masyarakat Melayu-Islam setempat.

DAC berbeza daripada agensi-agensi penasihat hutang lain dengan menjadi perhentian pertama bagi



penghutang yang ingin mendapatkan nasihat tentang cara menangani hutang mereka, baik dengan institusi kewangan dan syarikat peminjam hutang sah mahupun yang haram. DAC akan menyediakan peta hala tuju yang membolehkan penghutang mempunyai idea jelas mengenai pilihan-pilihan yang tersedia bagi mereka menghuraikan masalah hutang mereka.

– Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad

Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata matlamat lebih besar pembentukan DAC ialah mengukuhkan lagi keseluruhan keadaan kewangan masyarakat Melayu-Islam.

“DAC berbeza daripada agensi-agensi penasihat hutang lain dengan menjadi perhentian pertama bagi penghutang yang ingin mendapatkan nasihat tentang cara menangani hutang mereka, baik dengan institusi kewangan dan syarikat peminjam hutang sah mahupun yang haram.

“DAC akan menyediakan peta hala tuju yang membolehkan penghutang mempunyai idea jelas mengenai pilihan-pilihan yang tersedia bagi mereka menghuraikan masalah hutang mereka.

“Peta hala tuju itu akan mengandungi saranan-saranan huraian, ada antaranya akan dilakukan dengan pertubuhan kami sendiri, dan ada pula akan melibatkan agensi dan pertubuhan luar yang relevan,” tambahnya.

Menurut Encik Azmoon, pembentukan DAC merupakan satu daripada beberapa strategi yang disarankan semasa Konvensyen Kebangsaan Karyawan Islam Singapura anjuran AMP pada Jun tahun lalu.

Satu kenyataan AMP semalam menyatakan DAC akan juga melancarkan kumpulan sokongan hutang bagi masyarakat Melayu-Islam.

Di bawah usaha itu, mereka yang menghadapi masalah hutang boleh saling berkongsi pengalaman.

Program di bawah DAC mengandungi empat komponen.

Ia termasuk sesi menasihati; seminar asas bagi masalah hutang dan kewangan; seminar khusus dan isu-isu bersangkutan hutang; serta kegiatan bagi meningkatkan kesedaran mengenai DAC.

Menurut AMP, program percubaan DAC akan dimulakan pada 1 April ini.

Semasa tempoh program percubaan itu, DAC akan memberi tumpuan pada membantu klien yang dirujuk oleh agensi dan pertubuhan berkaitan masalah hutang.

Bulan lalu, akhbar ini melaporkan jumlah individu yang diisytihar mufliis meningkat 14.5 peratus kepada 1,748 orang tahun lalu.

Ini kali pertama jumlah mufliis bertambah, selepas berkurangan sejak tujuh tahun lalu. Ia bertambah biarpun terdapat skim bayaran semula hutang bagi membantu mengurangkan jumlah mufliis.

Di bawah undang-undang, seseorang individu boleh diisytihar mufliis oleh Mahkamah Tinggi jika beliau tidak dapat membayar hutang sekurang-kurangnya \$10,000.